KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## Tingkatan 4 dan 5

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# Pendidikan Moral

## Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## Tingkatan 4 dan 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum**

**SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

**KANDUNGAN**


Rukun Negara.... v

Falsafah Pendidikan Kebangsaan.... vi

Definisi Kurikulum Kebangsaan.... vii

Kata Pengantar.... ix

Pendahuluan.... 1

Matlamat.... 2

Objektif.... 2

Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.... 2

Fokus.... 4

Kemahiran Abad Ke-21.... 8

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.... 10

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.... 11

Elemen Merentas Kurikulum.... 14

Pentaksiran Bilik Darjah.... 17

Organisasi Kandungan.... 20

- Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4.... 23
- Bidang 5: Insan Bermoral.... 25
- Bidang 6: Jati Diri Moral.... 31
- Bidang 7: Moral dan Kenegaraan.... 35

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5 .......... 43
Bidang 5: Insan Bermoral .......... 45
Bidang 6: Jati Diri Moral .......... 51
Bidang 7: Moral dan Kenegaraan .......... 55
Panel Penggubal .......... 63

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

# FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

# DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

**3. Kurikulum Kebangsaan**

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR**
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENDAHULUAN

Kurikulum Pendidikan Moral digubal sebagai suatu usaha untuk mendidik dan menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan bersemangat patriotik serta mengutamakan perpaduan. Hasrat tersebut boleh dicapai dengan mengupayakan murid menguasai kurikulum yang mengandungi aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran. Aspek kurikulum tersebut perlu dilaksanakan secara bersepadu dan terancang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) ini. Oleh itu, DSKP Pendidikan Moral merupakan dokumen yang wajib dirujuk oleh guru untuk mengajar mata pelajaran ini bagi mencapai hasrat tersebut.

Kandungan Pendidikan Moral dalam dokumen ini meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai moral yang perlu diketahui dan dikuasai oleh murid. Penekanan kandungannya saling berkait dengan domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Penguasaan terhadap domain moral membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, penghayatan dan pengamalan nilai universal untuk diaplikasikan dalam pelbagai situasi. Kandungannya turut menekankan pemikiran aras tinggi bagi membolehkan murid menguasai kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah sebagai kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Ringkasnya, kandungan kurikulum Pendidikan Moral berpegang kepada prinsip moral iaitu altruistik, autonomi dan keadilan dalam membina masyarakat yang bermoral dan beretika serta bertindak untuk melaksanakan tanggungjawab moral, sosial, negara dan global.

DSKP ini turut menyatakan pelbagai strategi PdP yang boleh dilaksanakan bagi menyampaikan kandungan kurikulum Pendidikan Moral. Strategi PdP seperti Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek boleh meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran ini. Oleh itu, PdP perlu dirancang dengan mengambil kira keperluan dan tahap keupayaan murid.

Dari aspek pentaksiran pula, dokumen ini menegaskan penilaian berterusan dilakukan dalam menentukan perkembangan dan penguasaan murid. Pentaksiran hendaklah dilaksanakan dengan pelbagai cara. Melalui pentaksiran, tahap penguasaan dan pencapaian murid dapat dikenal pasti dan direkod untuk keperluan pelbagai pihak.

Kurikulum Pendidikan Moral mampu melahirkan insan bermoral dan berakhlak mulia dalam kalangan murid sebagai insan yang boleh menyumbang dalam pelbagai peringkat secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan antarabangsa.

## MATLAMAT

KSSM Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

## OBJEKTIF

KSSM Pendidikan Moral bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui dan memahami konsep moral serta isu-isu moral dalam kehidupan harian.
2. Mengembangkan penaakulan moral dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah moral berasaskan kepada prinsip moral.
3. Menyuburkan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil.
4. Mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti.
5. Memperkukuh elemen perpaduan dalam diri untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni.
6. Menghayati dan mengamalkan nilai universal untuk berakhlak mulia.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis,kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Moral digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.




Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

## FOKUS

Fokus KSSM Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan yang berakhlak mulia. Pembentukan insan yang berakhlak mulia ini dapat direalisasikan dengan menerapkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid.

Domain penaakulan moral membolehkan murid berfikir sebelum bertindak. Emosi moral pula akan memotivasikan murid untuk membuat perlakuan moral. Dengan ini perlakuan moral seorang murid akan menjurus ke arah insan yang berakhlak mulia.

Domain moral ini juga akan mendorong murid membuat pertimbangan moral *(moral judgement)* yang sesuai, tepat dan konsisten. Pertimbangan moral merupakan aspek utama dalam pembentukan moral yang membolehkan murid mengambil sesuatu tindakan berasaskan kepada peraturan atau nilai universal.

Rajah 2 berikut menunjukkan hubungan antara penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral yang boleh membentuk insan yang berakhlak mulia.




Rajah 2: Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral

Pembentukan insan yang berakhlak mulia seperti yang diharapkan dalam matlamat kurikulum Pendidikan Moral boleh dicapai dengan mengintegrasikan ketiga-tiga domain berikut:

**Penaakulan Moral**

Keupayaan mental untuk menaakul dalam situasi yang kabur atau berkonflik nilai demi mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah. Keupayaan mental dapat merungkai dan menyelesaikan masalah atau isu moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan kepada prinsip moral.

**Emosi Moral**

Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral melahirkan motivasi moral dan niat untuk bertindak berdasarkan empati dan simpati terhadap diri dan orang lain. Emosi moral ini boleh diekspresikan dalam bentuk luahan perasaan, fikiran, gerak geri dan sebagainya.

**Perlakuan Moral**

Perlakuan moral adalah tindakan moral berkaitan antara penaakulan moral dan emosi moral. Ia dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral.

Ketiga-tiga domain tersebut perlu dikembangkan bersama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. Sehubungan itu, ketiga-tiga domain tersebut perlu diaplikasikan bersama dengan 18 nilai universal yang menjadi wahana bagi menghasilkan insan yang berakhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia.

Guru Pendidikan Moral perlu memastikan bahawa nilai tersebut dapat diterapkan, dihayati dan diamalkan dalam kalangan murid sekolah menengah. Dengan itu, murid yang mempelajari Pendidikan Moral dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu remaja atau dilema moral yang dihadapi oleh mereka dengan mengaplikasikan nilai tersebut. Nilai universal yang perlu diterapkan adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Universal bagi KSSM Pendidikan Moral

| NILAI | MAKSUD NILAI |
|---|---|
| **Kepercayaan kepada Tuhan** | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| **Baik hati** | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| **Bertanggungjawab** | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| **Berterima kasih** | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| **Hemah Tinggi** | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. |
| **Hormat** | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial. |
| **Kasih Sayang** | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| **Keberanian** | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |

| NILAI | MAKSUD NILAI |
|---|---|
| **Kejujuran** | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| **Kerajinan** | Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| **Kerjasama** | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| **Kesederhanaan** | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| **Toleransi** | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. |
| **Berdikari** | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. |
| **Harga Diri** | Berupaya menjaga maruah diri. |
| **Kebebasan** | Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. |
| **Patriotisme** | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| **Rasional** | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |

Di samping itu, elemen perpaduan turut diterjemahkan secara eksplisit dalam kurikulum Pendidikan Moral. Ia dijelmakan melalui tiga konstruk utama perpaduan iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian. Setiap konstruk utama pula mempunyai subkonstruk masing-masing yang sebenarnya merupakan elemen perpaduan yang perlu dipupuk dalam kalangan murid.

Subkonstruk menerima kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh bersikap terbuka, bertoleransi, percaya dan sanggup bekerjasama walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Subkonstruk menghormati kepelbagaian pula merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Seterusnya subkonstruk mengurus kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang amanah, adil dan rasional walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Guru yang mengajar mata pelajaran ini hendaklah menyesuaikan elemen ini dengan nilai atau tajuk yang berkaitan dengan perpaduan tanpa mengubah disiplin ilmu dan kandungan mata pelajaran ini secara langsung atau sisipan.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 2 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Pendidikan Moral menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2 : Profil Murid

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---|---|
| **Berdaya Tahan** | Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati. |
| **Mahir Berkomunikasi** | Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. |
| **Pemikir** | Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru. |
| **Kerja Sepasukan** | Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap anggota pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan anggota pasukan yang lebih baik. |
| **Bersifat Ingin Tahu** | Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---|---|
| **Berprinsip** | Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka. |
| **Bermaklumat** | Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika atau undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh. |
| **Penyayang / Prihatin** | Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar. |
| **Patriotik** | Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara. |

**KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI**

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pemikiran dalam KBAT

| TAHAP PEMIKIRAN | PENERANGAN |
|---|---|
| **Mengaplikasi** | Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| **Menganalisis** | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| **Menilai** | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi. |
| **Mencipta** | Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. |

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

KSSM Pendidikan Moral menggalakkan murid menyertai secara aktif dan interaktif dalam proses PdP. Penyertaan murid secara aktif dan interaktif dalam PdP adalah usaha untuk membentuk insan yang menyeluruh. Ini akan memberi peluang kepada murid untuk menyoal, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain sewaktu memberi dan berkongsi pendapat dan idea. Seterusnya, membolehkan murid memahami, mengkaji peranan serta tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia dan global.

Antara strategi PdP yang dicadangkan dalam KSSM Pendidikan Moral ialah seperti Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek.

### Pembelajaran Aktif

Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Moral akan membolehkan murid memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli yang berkesan dalam pelbagai kumpulan sosial seperti keluarga, sekolah, rakan, komuniti tempatan, agama, negara dan global. Ini adalah kerana Pembelajaran Aktif melibatkan penyertaan murid dalam proses pembelajaran *hands-on* dan *minds-on.* Melalui pembelajaran ini, murid akan diberi peluang untuk mengembangkan kemahiran dan nilai serta mengaplikasikan modal insan menyeluruh.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Aktif yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti perbincangan atau aktiviti kumpulan kecil, sumbang saran, main peranan, simulasi, debat dan forum.

### Pembelajaran Penyelesaian Masalah

Dalam era globalisasi pada abad ke-21 ini, perubahan dan kompleksiti sentiasa berlaku di dalam komuniti tempatan, kebangsaan dan global. Murid Pendidikan Moral akan menghadapi pelbagai cabaran untuk menyelesaikan masalah sama ada secara peribadi atau sosial. Pembelajaran ini penting bagi membimbing murid dalam kemahiran penyelesaian masalah, sama ada kepada diri sendiri atau persekitarannya. Ini adalah kerana masalah moral yang akan dikaji dan keputusan yang akan diambil lebih bermakna dan relevan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupannya. Secara amnya, pembelajaran penyelesaian masalah dalam Pendidikan Moral akan melibatkan murid sendiri mencari jawapan kepada sesuatu

permasalahan moral mengenai peranan dan tanggungjawab diri melalui proses inkuiri yang berikut:

- Mengenal pasti dan menghuraikan sesuatu masalah.
- Menentukan pelbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah dengan mengambil kira fakta, pandangan dan perasaan watak yang terlibat.
- Memilih strategi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah seperti *Theory of Constraints (TOC),* peta minda, sebab dan akibat dan konflik resolusi.
- Menguji keputusan tentatif yang dipilih dengan mengumpul dan menilai maklumat yang relevan dengan masalah.
- Membuat keputusan muktamad atau mengubah suai langkah atau strategi yang telah diambil.

Pembelajaran penyelesaian masalah dalam Pendidikan Moral akan menjadi asas kepada murid untuk memahami dan menangani perubahan yang berlaku dalam kehidupan dan persekitarannya dengan bertanggungjawab dan berkesan.

Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran penyelesaian masalah yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Debat
- Panel juri
- Main peranan
- Penyoalan
- Peta minda atau penyusunan grafik
- Perbincangan meja bulat
- Perbincangan berkumpulan

**Pembelajaran Khidmat Masyarakat**

Pembelajaran Khidmat Masyarakat akan menggalakkan murid menyertai secara aktif dalam sesuatu projek komuniti. Melalui pembelajaran ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam menyelesaikan masalah sosial yang benar-benar berlaku di sekolah, komuniti, negara dan global.

Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat ini, murid akan menjalankan tanggungjawab dan kepemimpinan semasa aktiviti bersama masyarakat. Mereka juga akan mengamalkan nilai moral dan kemahiran sosial dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat. Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat, murid akan mempelajari secara aktif dan interaktif bagaimana menjadi seorang individu yang bertanggungjawab dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

Pembelajaran Khidmat Masyarakat memerlukan sokongan dan penglibatan ibu bapa serta komuniti tempatan. Oleh itu, guru Pendidikan Moral perlu mewujudkan jalinan *partnership* atau kolaboratif dengan agensi-agensi komuniti tempatan supaya memudahkan penyertaan murid dalam aktiviti kemasyarakatan.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Khidmat Masyarakat yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Memberi perkhidmatan secara langsung seperti melakukan gotong-royong di kawasan tempat tinggal, membantu warga sekolah membersihkan taman sekolah atau membantu penghuni di rumah orang tua.
- Memberi perkhidmatan secara tidak langsung seperti membantu sesebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan seperti mengutip derma bagi mangsa bencana alam.
- Mengambil tindakan secara bersama dengan komuniti seperti menulis surat atau aduan kepada pihak tertentu supaya menyediakan kemudahan awam yang sesuai untuk golongan kurang bernasib baik.

**Pembelajaran Berasaskan Projek**

PdP Pendidikan Moral adalah berpusatkan murid dan ia memerlukan perlakuan moral dipupuk secara implisit dengan pelbagai kaedah pembelajaran. Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral merupakan satu proses pembelajaran yang berfokuskan tugasan amali secara sistematik atau terancang dalam jangka masa yang tertentu. Pembelajaran Berasaskan Projek biasanya melibatkan kutipan serta analisis data dan persediaan satu laporan yang lengkap. Pembelajaran Berasaskan Projek bukan sahaja mampu menjadikan PdP Pendidikan Moral menjadi lebih berkesan tetapi juga menarik dan menyeronokkan.

Dalam melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek ini, murid diberi tugasan tertentu sama ada secara individu atau kumpulan dan mengikut tahap kebolehan mereka. Murid perlu mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk menyiapkan projek yang diberi oleh guru. Semasa proses menyiapkan tugasan, guru hendaklah sentiasa membimbing dan memberi konsultasi kepada murid.

Dalam Pembelajaran Berasaskan Projek ini juga guru perlu memantau proses penyediaan projek murid secara berterusan.

Proses Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral melibatkan empat tahap iaitu mengumpul maklumat, memproses maklumat, melaporkan hasil projek dan refleksi kendiri. Guru Pendidikan Moral hendaklah memastikan guru mudah dihubungi oleh murid pada setiap masa.

Guru haruslah memastikan bahawa projek atau tugasan yang diberikan kepada murid boleh memupuk tiga domain Pendidikan Moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Bagi tujuan tersebut, guru digalakkan untuk menggunakan cadangan aktiviti yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Moral. Di samping itu, guru juga digalakkan memberi peluang dan pilihan kepada murid untuk menghasilkan kerja projek mereka berdasarkan kreativiti dan inovasi berkaitan tajuk yang telah diajar.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

**1. Bahasa**

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

**2. Kelestarian Alam Sekitar**

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

**3. Nilai Murni**

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

**4. Sains dan Teknologi**

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
  (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
  (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
  (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
  (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

**5. Patriotisme**

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

**6. Kreativiti dan Inovasi**

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

**7. Keusahawanan**

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

**8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.
- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantukan komputer.

**9. Kelestarian Global**

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.

- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

**10. Pendidikan Kewangan**

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

**PENTAKSIRAN BILIK DARJAH**

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.

- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

**TAHAP PENGUASAAN UMUM**

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk penyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 4 menunjukkan penyataan tahap penguasaan umum.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

| TAHAP | TAFSIRAN |
|---|---|
| 1 (Tahu) | Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas |
| 2 (Tahu dan faham) | Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi |
| 3 (Tahu, faham dan boleh buat) | Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi |
| 4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab) | Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik |
| 5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji) | Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif |
| 6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali) | Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi |

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

## TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral perlu ditentukan pada akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran yang meliputi domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama-sama murid, serta perbincangan bersama-sama rakan sejawat. Bagi menentukan tahap penguasaan keseluruhan Pendidikan Moral, guru perlu merujuk tafsiran tahap penguasaan yang terdapat dalam Jadual 5.

Jadual 5: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan Pendidikan Moral

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|---|---|
| 1 | Murid mengetahui atau mengenal pasti perkara yang dipelajari. |
| 2 | Murid memahami atau memberi maklum balas berkaitan perkara yang dipelajari. |
| 3 | Murid mengaplikasi atau menilai perkara yang dipelajari. |
| 4 | Murid menghubung kait atau menganalisis perkara yang dipelajari. |
| 5 | Murid menghayati dan mempamerkan perkara yang dipelajari dalam kehidupan harian. |
| 6 | Murid menghayati dan mengamalkan perkara yang dipelajari dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. |

Pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral lebih menekankan kepada usaha ke arah penambahbaikan serta perkembangan dan bukan pencapaian kognitif semata-mata. Pentaksiran tersebut boleh melibatkan orang lain seperti rakan sebaya, anggota keluarga dan komuniti mengikut kesesuaian. Pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber dan aktiviti akan menghasilkan dapatan yang mempunyai kesahan bagi membantu guru membuat keputusan yang lebih telus.

## ORGANISASI KANDUNGAN

Pelaksanaan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuat kuasa sekarang. Peruntukan masa minimum jam setahun bagi KSSM Pendidikan Moral Menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) adalah 64 jam. KSSM Pendidikan Moral digubal secara bertema dan mengandungi tujuh bidang yang menjadi wahana untuk menyampaikan dan menerapkan nilai universal secara berterusan dalam diri murid. Penggubalan bidang ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya. Bidang tersebut adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Bidang Pengajaran Mengikut Tingkatan

| BIL. | BIDANG | TINGKATAN |
|---|---|---|
| 1 | Pengenalan Moral | • Tingkatan 1<br>• Tingkatan 2<br>• Tingkatan 3 |
| 2 | Diri, Keluarga dan Persahabatan | |
| 3 | Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat | |
| 4 | Moral, Peraturan dan Undang-Undang | |
| 5 | Insan Bermoral | • Tingkatan 4<br>• Tingkatan 5 |
| 6 | Jati Diri Moral | |
| 7 | Moral dan Kenegaraan | |

Setiap SK diterjemahkan melalui SP. Guru perlu merujuk kepada maklumat yang terdapat dalam SK dan SP untuk mengetahui tumpuan, kedalaman dan keluasan tajuk yang perlu diajar. SPi pula merupakan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara yang diajar itu telah dikuasai oleh murid. SPi pula digubal dengan mengambil kira tahap keperluan, perkembangan dan kematangan murid. Penerangan bagi setiap SK, SP dan SPi ditunjukkan seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI |
|---|---|---|
| Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. | Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. | Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid. |

Lajur catatan dalam DSKP mengandungi cadangan nilai, cadangan isu dan cadangan aktiviti yang boleh digunakan oleh guru bagi memastikan SK dan SP dapat dikuasai oleh murid. Cadangan nilai merupakan nilai-nilai yang boleh diterapkan oleh guru dalam setiap sesi PdP.

Nilai-nilai yang lain yang bersesuaian yang tidak terdapat dalam lajur ini masih boleh digunakan oleh guru sekiranya perlu. Nilai dalam lajur ini adalah antara 18 nilai universal yang berasaskan prinsip moral yang terkandung dalam KSSM Pendidikan Moral.

Selain itu, lajur catatan ini juga turut memuatkan cadangan isu untuk merancang PdP yang efektif. Isu atau situasi yang dikemukakan bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman diri murid tetapi juga meliputi hubungannya dengan keluarga, komuniti, negara, dan peringkat global. Isu yang dicadangkan perlu diterjemahkan dan dikaitkan dengan SK dan SP. Walau bagaimanapun, guru boleh memilih mana-mana isu yang sesuai dengan SK dan SP mengikut kreativiti guru.

# Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4

## 5.0 INSAN BERMORAL

Bidang insan bermoral membincangkan ciri insan bermoral berkeperibadian mulia yang mampu menjadi suri teladan yang baik, bersikap adil, prihatin dan mempraktikkan amalan bermoral yang diterima oleh masyarakat. Insan bermoral sentiasa menghormati agama dan kepercayaan serta menyayangi diri dan orang lain. Insan bermoral juga mampu membuat keputusan dengan menggunakan sumber dan maklumat secara autonomi berdasarkan norma masyarakat.

## 5.0 INSAN BERMORAL

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **5.1 Norma Masyarakat** | Murid boleh:<br><br>5.1.1 Mentakrifkan maksud norma masyarakat.<br><br>5.1.2 Memberikan contoh norma masyarakat.<br><br>5.1.3 Menghuraikan kepentingan amalan norma masyarakat.<br><br>5.1.4 Meramalkan kesan pengabaian norma masyarakat.<br><br>5.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila mematuhi norma masyarakat.<br><br>5.1.6 Mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan maksud norma masyarakat. | **Cadangan nilai**<br><br>• Hormat<br>• Hemah tinggi<br>• Toleransi<br>• Kesederhanaan<br>• Kebebasan<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Jurang generasi antara golongan tua dan muda<br>• Kepentingan diri lebih daripada kepentingan masyarakat<br>• Hedonisme dalam masyarakat kini<br>• Pengekalan adat resam masyarakat<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Menjelaskan perubahan norma masyarakat dahulu dan kini melalui peta pemikiran.<br>• Main peranan berkaitan dilema jurang generasi tua dan muda.<br>• Membuat pembentangan tentang ciri suri teladan yang mengamalkan norma masyarakat dengan menggunakan pelbagai media.<br>• Mengadakan forum atau perbahasan berkaitan dengan hedonisme dalam masyarakat kini. |
| | | 2 | Menerangkan contoh norma masyarakat. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan amalan norma masyarakat. | |
| | | 4 | Menganalisis kesan pengabaian norma masyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan norma masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **5.2 Individu Berkeperibadian Mulia** | Murid boleh:<br><br>5.2.1 Menyenaraikan ciri individu yang berkeperibadian mulia.<br><br>5.2.2 Menghuraikan dengan contoh cara mempraktikkan keperibadian mulia.<br><br>5.2.3 Memerihalkan kepentingan mempunyai keperibadian mulia.<br><br>5.2.4 Membanding beza keperibadian mulia dan bukan keperibadian mulia.<br><br>5.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian.<br><br>5.2.6 Mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan ciri individu yang berkeperibadian mulia. | **Cadangan nilai**<br><br>• Kepercayaan kepada Tuhan<br>• Hemah tinggi<br>• Harga diri<br>• Kejujuran<br>• Keberanian<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Kemenjadian remaja berkeperibadian mulia<br>• Kekangan dalam pembentukan keperibadian mulia<br>• Perlakuan negatif yang boleh menjejaskan personaliti<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Melakukan simulasi amalan berkeperibadian mulia.<br>• Menonton klip video berkaitan amalan berkeperibadian mulia dan membuat refleksi.<br>• Menjalankan soal selidik tentang keperibadian murid yang berjaya.<br>• Mengadakan aktiviti jelajah ilmu tentang tokoh berkeperibadian mulia. |
| | | 2 | Menerangkan cara mempraktikkan keperibadian mulia. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan mempunyai keperibadian mulia. | |
| | | 4 | Menganalisis keperibadian mulia dan bukan keperibadian mulia. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">5.3<br>Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br><br>5.3.1 Menyenaraikan contoh prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.<br><br>5.3.2 Memerihalkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.<br><br>5.3.3 Menghuraikan kepentingan membuat keputusan antara prinsip keadilan dan keprihatinan berdasarkan situasi.<br><br>5.3.4 Menaakul keutamaan antara prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan dalam membuat pertimbangan.<br><br>5.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila membuat keputusan berasaskan prinsip keadilan dan keprihatinan.<br><br>5.3.6 Mengambil tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian.</td><td>1</td><td>Menyatakan contoh prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br>• Rasional<br>• Kasih sayang<br>• Baik hati<br>• Kejujuran<br>• Keberanian<br><br>Cadangan isu<br>• Hukuman berat kepada pengedar dadah<br>• Isu kekeluargaan<br>• Disiplin murid<br><br>Cadangan aktiviti<br>• Menyertai perbincangan berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan tentang hukuman berat kepada pengedar dadah.<br>• Menjalankan kajian kes berkaitan kes disiplin murid dan cara penyelesaian berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan melalui pelbagai media.<br>• Mengadakan forum tentang kepentingan membuat keputusan berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam isu kekeluargaan.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kepentingan membuat keputusan antara prinsip keadilan dan keprihatinan.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis keutamaan antara prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan dalam membuat pertimbangan berdasarkan situasi.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="5">5.4 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika</td><td rowspan="5">Murid boleh:<br><br>5.4.1 Menyenaraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.<br><br>5.4.2 Menjelaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.<br><br>5.4.3 Menghuraikan dengan contoh cara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.<br><br>5.4.4 Meramalkan kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.</td><td>1</td><td>Menyatakan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.</td><td rowspan="5">Cadangan nilai<br><br>• Rasional<br>• Kebebasan<br>• Harga diri<br>• Kesederhanaan<br>• Kerajinan<br><br>Cadangan isu<br><br>• Manipulasi teknologi maklumat dan komunikasi<br>• Hak cipta terpelihara<br>• Penyebaran e-mel spam<br><br>Cadangan aktiviti<br><br>• Mengadakan aktiviti ‘Think, Pair & Share’ bagi menghasilkan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di rumah.<br>• Menghasilkan brosur tentang prosedur operasi standard (SOP) hak cipta terpelihara.<br>• Mengadakan perbahasan tentang teknologi maklumat dan komunikasi memudaratkan remaja.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai cara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam kehidupan harian.</td></tr>
</table>

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| | 5.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.<br><br>5.4.6 Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam kehidupan harian. | 6 | Menghayati dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

## 6.0 JATI DIRI MORAL

Bidang Jati Diri Moral membincangkan keunikan dan keistimewaan aspek agama, bangsa, budaya dan bahasa yang menjadi teras dan lambang ketinggian peribadi individu dan jati diri bangsa. Bidang tersebut memfokuskan integriti diri dan keluarga, serta unsur perikemanusiaan yang menyumbang ke arah kesejahteraan diri dan masyarakat.

**6.0 JATI DIRI MORAL**

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">6.1<br>Integriti Individu</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br><br>6.1.1 Mentakrifkan maksud integriti individu.<br><br>6.1.2 Memerihalkan kepentingan integriti individu dalam setiap perlakuan.<br><br>6.1.3 Merumuskan implikasi perbuatan individu yang tidak berintegriti.<br><br>6.1.4 Membahaskan cara individu melaksanakan tanggungjawab yang berintegriti seperti dituntut oleh agama atau kepercayaan.<br><br>6.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti individu.<br><br>6.1.6 Mengamalkan integriti individu dalam kehidupan harian.</td><td>1</td><td>Menyatakan maksud integriti individu.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br><br>• Kepercayaan kepada Tuhan<br>• Kejujuran<br>• Harga diri<br>• Kerajinan<br>• Bertanggungjawab<br><br>Cadangan isu<br><br>• Peniruan dan penipuan semasa peperiksaan<br>• Plagiat dalam tugasan atau kerja kursus<br>• Ketidakpatuhan masa<br>• Amalan pemberian rasuah<br><br>Cadangan aktiviti<br><br>• Melakonkan teater forum berkaitan isu integriti dalam kalangan murid.<br>• Menghasikan lirik lagu bertemakan integriti individu.<br>• Menganjurkan pertandingan melukis kain rentang atau gegantung berkaitan plagiat di sekolah.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan kepentingan integriti individu dalam setiap perlakuan.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai implikasi perbuatan yang tidak berintegriti individu.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti individu seperti yang dituntut oleh agama atau kepercayaan.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan amalan integriti individu dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan integriti individu dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">6.2<br>Integriti Keluarga</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br><br>6.2.1 Menyenaraikan ciri integriti keluarga.<br><br>6.2.2 Menjelaskan dengan contoh integriti keluarga.<br><br>6.2.3 Mencerakinkan cara memupuk integriti keluarga.<br><br>6.2.4 Meramalkan implikasi perbuatan yang tidak berintegriti terhadap keluarga.<br><br>6.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti keluarga.<br><br>6.2.6 Mengamalkan integriti keluarga demi keharmonian hidup.</td><td>1</td><td>Menyatakan ciri integriti keluarga.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br><br>• Kasih sayang<br>• Hormat<br>• Toleransi<br>• Kerjasama<br>• Harga diri<br><br>Cadangan isu<br><br>• Dilema integriti dalam keluarga<br>• Keretakan rumah tangga<br>• Kepercayaan tidak berbelah bahagi kepada anggota keluarga<br><br>Cadangan aktiviti<br><br>• Mencipta dan mendeklamasi sajak bertemakan integriti keluarga.<br>• Kunjungan kasih ke rumah orang tua.<br>• Menemu bual dengan ibu bapa murid cemerlang.<br>• Mengadakan perbincangan berkumpulan mengenai penyelesaian dilema integriti keluarga.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan contoh integriti keluarga.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai cara memupuk integriti keluarga.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis implikasi perbuatan yang tidak berintegriti terhadap keluarga.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan amalan integriti keluarga dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan integriti keluarga dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">6.3 Berperikemanusiaan untuk Kesejahteraan Masyarakat</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br>6.3.1 Mentakrifkan maksud perikemanusiaan.<br>6.3.2 Mengenal pasti perlakuan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.<br>6.3.3 Menghuraikan kepentingan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.<br>6.3.4 Meramalkan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.<br>6.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.<br>6.3.6 Mengamalkan sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan harian.</td><td>1</td><td>Menyatakan maksud perikemanusiaan.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br>• Kepercayaan Kepada Tuhan<br>• Baik hati<br>• Hemah tinggi<br>• Kasih sayang<br>• Berterima kasih<br>Cadangan isu<br>• Kes pembuangan bayi<br>• Bantuan mangsa banjir dan kebakaran<br>• Keprihatinan terhadap golongan gelandangan dan Orang Kurang Upaya (OKU)<br>• Penderaan kanak-kanak<br>Cadangan aktiviti<br>• Melakonkan sketsa tentang situasi simpati dan empati dalam sikap berperikemanusiaan.<br>• Menganjurkan lawatan ke rumah kebajikan.<br>• Menganjurkan projek amal bakti bagi membantu golongan yang memerlukan.<br>• Mengumpul maklumat dan mengadakan pameran tentang Pertubuhan Bukan Kerajaan yang menjalankan aktiviti kemanusiaan.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan perlakuan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kepentingan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

## 7.0 MORAL DAN KENEGARAAN

Bidang Moral dan Kenegaraan menghubungkaitkan konsep moral dengan kenegaraan dalam kehidupan bermasyarakat. Bidang tersebut membincangkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara yang mengamalkan perpaduan, menguruskan perbelanjaan secara beretika serta berbangga sebagai rakyat Malaysia dalam mengekalkan keunikan dan kedaulatan negara.

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="4">7.1<br>Hak dan Tanggungjawab Sebagai Warganegara Berlandaskan Perlembagaan Malaysia</td><td rowspan="4">Murid boleh:<br>7.1.1 Menyenaraikan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara berlandaskan Perlembagaan Malaysia.<br>7.1.2 Menghuraikan kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.<br>7.1.3 Mencerakinkan kesan pengabaian hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.<br>7.1.4 Merumuskan batasan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.</td><td>1</td><td>Menyatakan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara berlandaskan Perlembagaan Malaysia.</td><td rowspan="4">Cadangan nilai<br>• Bertanggungjawab<br>• Patriotisme<br>• Berterima kasih<br>• Kebebasan<br>• Berdikari<br>Cadangan isu<br>• Prosedur menjadi pengundi dalam pilihanraya<br>• Hak memiliki dokumen yang sah sebagai warganegara<br>• Hak berhimpun dan bersuara<br>• Ancaman keselamatan negara<br>Cadangan aktiviti<br>• Melakar peta pemikiran tentang kepentingan memiliki dokumen yang sah.<br>• Menjalankan simulasi pilihanraya di sekolah.<br>• Mengisi pelbagai borang yang berkaitan hak warganegara seperti kad pengenalan, pendaftaran sebagai pengundi, dan sebagainya.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kesan mempraktikkan atau mengabaikan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis batasan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.</td></tr>
</table>

**7.0 MORAL DAN KENEGARAAN**

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| | 7.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. | 5 | Menghayati dan mempamerkan amalan yang melibatkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. | • Mengumpul maklumat untuk menghasilkan risalah tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara melalui pelbagai media. |
| | 7.1.6 Mengamalkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dalam kehidupan harian. | 6 | Menghayati dan mengamalkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **7.2 Perpaduan dalam Masyarakat** | Murid boleh:<br><br>7.2.1 Memberikan contoh amalan perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.<br><br>7.2.2 Mengenal pasti peranan agensi yang memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.<br><br>7.2.3 Menjelaskan kepentingan amalan perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.<br><br>7.2.4 Menghuraikan cabaran dalam membentuk amalan perpaduan masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 1 | Menyatakan contoh amalan perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. | **Cadangan nilai**<br><br>• Toleransi<br>• Kerjasama<br>• Baik hati<br>• Hormat<br>• Kasih sayang<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Permainan tradisional bercirikan pelbagai budaya<br>• Permuafakatan dengan agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan<br>• Integrasi pelbagai budaya dan kesenian<br>• Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagai teras pembentukan perpaduan nasional<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Aktiviti kesukarelawanan yang melibatkan pelbagai kaum.<br>• Melaksanakan projek kemasyarakatan melibatkan pelbagai kaum. |
| | | 2 | Menerangkan peranan agensi yang memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan amalan perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. | |
| | | 4 | Menganalisis cabaran dalam memupuk perpaduan masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| | 7.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan perpaduan dalam masyarakat yang Berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.<br>7.2.6 Mengamalkan hidup bersatu padu dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa dalam kehidupan harian. | 5 | Menghayati dan mempamerkan amalan hidup bersatu padu dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa dalam kehidupan harian. | • Mengadakan sumbang saran tentang cabaran untuk membentuk masyarakat bersatu padu.<br>• Menganjurkan pertandingan kesenian pelbagai budaya. |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan hidup bersatu padu dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">7.3 Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br>7.3.1 Memberi maksud perbelanjaan beretika.<br>7.3.2 Menjelaskan cara menguruskan perbelanjaan secara beretika.<br>7.3.3 Menghuraikan kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika untuk kesejahteraan hidup.<br>7.3.4 Meramalkan kesan perbelanjaan tidak beretika kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.<br>7.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila menguruskan perbelanjaan secara beretika.<br>7.3.6 Mengamalkan pengurusan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan harian.</td><td>1</td><td>Menyatakan maksud perbelanjaan beretika.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br>• Kesederhanaan<br>• Bertanggungjawab<br>• Berdikari<br>• Rasional<br>• Kejujuran<br>Cadangan isu<br>• Isu kad kredit atau kad debit<br>• Pembelian dalam talian<br>• Perbelanjaan keperluan dan kehendak<br>• Tabungan masa hadapan<br>• Promosi jualan murah<br>Cadangan Aktiviti<br>• Menulis catatan diari tentang pengurusan perbelanjaan secara beretika bagi tempoh masa tertentu.<br>• Menghasilkan peta pemikiran tentang tabungan dan pelaburan.<br>• Simulasi pembelian atas talian.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan cara menguruskan perbelanjaan secara beretika.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika kepada kesejahteraan hidup.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis kesan perbelanjaan tidak beretika kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan amalan menguruskan perbelanjaan diri secara beretika dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan perbelanjaan diri secara beretika dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **7.4 Keunikan Rakyat Malaysia** | Murid boleh:<br><br>7.4.1 Menyenaraikan keunikan rakyat Malaysia dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa.<br><br>7.4.2 Menjelaskan kepentingan keunikan rakyat Malaysia.<br><br>7.4.3 Menghuraikan cabaran keunikan rakyat Malaysia.<br><br>7.4.4 Merancang strategi untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.<br><br>7.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.<br><br>7.4.6 Mempraktikkan amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan keunikan rakyat Malaysia dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa. | **Cadangan nilai**<br>• Patriotisme<br>• Kerajinan<br>• Berdikari<br>• Keberanian<br>• Berterima kasih<br><br>**Cadangan isu**<br>• Identiti nasional<br>• Bangga dengan kesejahteraan negara<br>• Menghormati keunikan Malaysia<br>• Keutamaan kepada kepentingan negara<br><br>**Cadangan aktiviti**<br>• Menyertai pertandingan mereka cipta logo atau lambang bertemakan identiti rakyat Malaysia.<br>• Menghasilkan karya bertemakan keunikan rakyat Malaysia.<br>• Merangka strategi untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia berdasarkan teknik analisis *Strength, Weakness, Opportunity, Threats* (SWOT).<br>• Memaparkan persembahan dalam pelbagai media tentang keunikan rakyat Malaysia. |
| | | 2 | Menerangkan kepentingan menerima, menghormati, dan mengurus keunikan rakyat Malaysia. | |
| | | 3 | Menilai cabaran menerima, menghormati, dan mengurus keunikan rakyat Malaysia. | |
| | | 4 | Menganalisis strategi untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mempraktikkan amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **7.5 Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama** | Murid boleh:<br><br>7.5.1 Menyenaraikan ciri negara berdaulat.<br><br>7.5.2 Menghuraikan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.<br><br>7.5.3 Meramalkan cabaran dalam mengekalkan kedaulatan negara.<br><br>7.5.4 Menaakul kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.<br><br>7.5.5 Mengekspresikan perasaan apabila menjalankan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara.<br><br>7.5.6 Melibatkan diri dalam aktiviti bagi mengekalkan kedaulatan negara. | 1 | Menyatakan ciri negara berdaulat. | **Cadangan nilai**<br><br>• Patriotisme<br>• Bertanggungjawab<br>• Hormat<br>• Keberanian<br>• Kerjasama<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Penghayatan Rukun Negara<br>• Konflik perairan negara<br>• Kesetiaan kepada Raja dan Negara<br>• Peranan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam mengukuhkan kedaulatan negara<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Mengadakan pertandingan bicara berirama bertemakan negara berdaulat.<br>• Melibatkan diri dalam Kelab Rukun Negara di sekolah.<br>• Menyertai sambutan hari kebesaran negara.<br>• Menghasilkan brosur yang bertemakan Rukun Negara dengan menggunakan perisian komputer. |
| | | 2 | Menerangkan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara. | |
| | | 3 | Menilai cabaran dalam mengekalkan kedaulatan negara. | |
| | | 4 | Menganalisis kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan amalan menjalankan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara. | |
| | | 6 | Menghayati dan melibatkan diri dalam aktiviti bagi mengekalkan kedaulatan negara dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

# Standard Kandungan,
# Standard Pembelajaran
# dan Standard Prestasi
# Tingkatan 5

# 5.0 INSAN BERMORAL

Bidang ini membincangkan ciri insan bermoral daripada aspek norma masyarakat global dan mengupas tentang individu yang bersifat glokal. Selain itu, aspek kerohanian turut diberi penekanan dalam membentuk individu bermoral. Seterusnya, bidang ini membincangkan penggunaan sumber dan maklumat demi kesejahteraan sejagat.

## 5.0 INSAN BERMORAL

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **5.1<br>Norma Masyarakat Global** | Murid boleh:<br><br>5.1.1 Memberi maksud norma masyarakat global.<br><br>5.1.2 Menjelaskan contoh norma masyarakat global.<br><br>5.1.3 Menghuraikan kepentingan amalan norma masyarakat global.<br><br>5.1.4 Meramalkan kesan pengabaian norma masyarakat global.<br><br>5.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan norma masyarakat global.<br><br>5.1.6 Mengamalkan sikap menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan maksud norma masyarakat global. | **Cadangan nilai**<br>• Hormat<br>• Hemah tinggi<br>• Rasional<br>• Kesederhanaan<br>• Kebebasan<br><br>**Cadangan isu**<br>• Pengaruh norma masyarakat global<br>• Konflik norma masyarakat setempat dengan norma masyarakat global<br>• Kewarganegaraan Global<br><br>**Cadangan aktiviti**<br>• Menonton tayangan video tentang norma masyarakat global dan membuat refleksi.<br>• Menggunakan media sosial untuk berkongsi maklumat tentang kepentingan amalan norma masyarakat global.<br>• Main peranan tentang cara menghormati tetamu dalam masyarakat global dan membuat rumusan.<br>• Menyertai forum bertajuk 'Remaja dan norma masyarakat global'. |
| | | 2 | Menerangkan contoh norma masyarakat global. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan amalan norma masyarakat global. | |
| | | 4 | Menganalisis kesan pengabaian norma masyarakat global. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan amalan norma masyarakat global dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **5.2**<br>**Individu Glokal** | Murid boleh:<br><br>5.2.1 Menjelaskan ciri individu glokal.<br><br>5.2.2 Mengenal pasti sikap individu glokal.<br><br>5.2.3 Menghuraikan kepentingan menjadi individu glokal.<br><br>5.2.4 Meramalkan kesan sekiranya individu tidak bersikap glokal.<br><br>5.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila bertindak sebagai individu glokal.<br><br>5.2.6 Mengamalkan sikap individu glokal dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan ciri individu glokal. | **Cadangan nilai**<br><br>• Kepercayaan kepada Tuhan<br>• Hemah tinggi<br>• Harga diri<br>• Toleransi<br>• Patriotisme<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Sikap mengagungkan jenama luar dan meminggirkan jenama tempatan<br>• Keperluan memperkasakan bahasa kebangsaan dan menguasai bahasa antarabangsa<br>• Pertembungan kebudayaan dan kesenian tempatan dengan kebudayaan dan kesenian antarabangsa<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Melakarkan peta minda tentang ciri individu glokal.<br>• Menghasilkan album tentang pertembungan budaya antarabangsa dengan budaya tempatan.<br>• Mereka cipta pakaian yang mempunyai ciri kebudayaan tempatan dan kebudayaan antarabangsa. |
| | | 2 | Menerangkan dengan contoh sikap individu glokal. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan menjadi individu glokal. | |
| | | 4 | Menganalisis kesan individu tidak bersikap glokal. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan sikap individu glokal dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap individu glokal dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **5.3 Kerohanian Membentuk Individu Bermoral** | Murid boleh:<br><br>5.3.1 Menyenaraikan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian.<br><br>5.3.2 Menjelaskan cara meningkatkan nilai kerohanian.<br><br>5.3.3 Menghuraikan kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral.<br><br>5.3.4 Meramalkan implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu.<br><br>5.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila menghayati nilai kerohanian.<br><br>5.3.6 Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian. | **Cadangan nilai**<br><br>• Kepercayaan kepada Tuhan<br>• Kasih sayang<br>• Bertanggungjawab<br>• Baik hati<br>• Hormat<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Pengaruh gejala negatif kini<br>• Dilema antara nilai kerohanian dan kemewahan hidup<br>• Penglibatan remaja dalam amal bakti<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Bercerita atau berkongsi pengalaman melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian.<br>• Mengumpul maklumat dan menyediakan buku skrap berkaitan aktiviti kerohanian.<br>• Kajian kes tentang penyelesaian masalah dengan berpandukan nilai kerohanian.<br>• Melibatkan diri dalam aktiviti kerja amal atau kesukarelawanan. |
| | | 2 | Menerangkan cara meningkatkan nilai kerohanian. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral. | |
| | | 4 | Menganalisis implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="5">5.4 Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejagat</td><td rowspan="5">Murid boleh:<br><br>5.4.1 Menyenaraikan contoh sumber dan maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat.<br><br>5.4.2 Mengenal pasti tatacara menggunakan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat.<br><br>5.4.3 Menghuraikan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat.<br><br>5.4.4 Mencerakinkan implikasi penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menjejaskan kesejahteraan sejagat.</td><td>1</td><td>Menyatakan contoh sumber dan maklumat yang sahih demi mengekalkan kesejahteraan sejagat.</td><td rowspan="5">Cadangan nilai<br><br>• Rasional<br>• Kejujuran<br>• Berdikari<br>• Kebebasan<br>• Hormat<br><br>Cadangan isu<br><br>• Penularan sumber dan maklumat<br>• Kesahihan sumber dan maklumat<br>• Eksploitasi kepakaran dalam menggunakan sumber dan maklumat<br><br>Cadangan aktiviti<br><br>• Menghasilkan gegantung tentang etika penggunaan sumber dan maklumat yang sahih.<br>• Membina dan mentadbir soal selidik tentang penggunaan sumber dan maklumat demi kesejahteraan sejagat.<br>• Mengadakan permainan maklumat berantai.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan tatacara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat demi kesejahteraan sejagat.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis implikasi penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menjejaskan kesejahteraan sejagat.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan amalan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat dalam kehidupan harian demi kesejahteraan sejagat.</td></tr>
</table>

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| | 5.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat dalam kehidupan harian demi kesejahteraan sejagat.<br><br>5.4.6 Menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat dalam kehidupan harian demi kesejahteraan sejagat. | 6 | Menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

# 6.0 JATI DIRI MORAL

Bidang ini membincangkan integriti organisasi dan integriti nasional sebagai asas dalam pembentukan jati diri moral. Bidang ini dapat membentuk individu yang boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara. Selain itu, bidang ini turut memfokuskan unsur perikemanusiaan sebagai pemangkin yang menyumbang ke arah kesejahteraan global.

## 6.0 JATI DIRI MORAL

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **6.1 Integriti Organisasi** | Murid boleh:<br><br>6.1.1 Menjelaskan maksud integriti organisasi.<br><br>6.1.2 Mengenal pasti cara melaksanakan integriti dalam organisasi.<br><br>6.1.3 Menghuraikan kepentingan amalan integriti dalam organisasi.<br><br>6.1.4 Meramalkan implikasi sekiranya amalan integriti dalam organisasi tidak dipraktikkan.<br><br>6.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti dalam organisasi.<br><br>6.1.6 Mengamalkan integriti organisasi dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan maksud integriti organisasi. | **Cadangan nilai**<br><br>• Kejujuran<br>• Kerjasama<br>• Bertanggungjawab<br>• Kebebasan<br>• Berdikari<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Salah laku dalam organisasi<br>• Aku Janji Organisasi<br>• Surat layang<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Menghasilkan Aku Janji Organisasi dan melafazkannya.<br>• Menghasilkan peta pemikiran tentang kepentingan integriti dalam organisasi.<br>• Mempersembahkan bicara berirama bertemakan integriti dalam organisasi. |
| | | 2 | Menerangkan cara melaksanakan integriti dalam organisasi. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan amalan integriti dalam organisasi. | |
| | | 4 | Menganalisis implikasi sekiranya amalan integriti dalam organisasi tidak dipraktikkan. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan amalan integriti organisasi dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan integriti organisasi dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **6.2 Integriti demi Pembangunan Negara** | Murid boleh:<br><br>6.2.1 Menjelaskan contoh integriti demi pembangunan negara.<br><br>6.2.2 Mengenal pasti cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara.<br><br>6.2.3 Memerihalkan kepentingan integriti demi pembangunan negara.<br><br>6.2.4 Merumuskan implikasi perbuatan yang tidak berintegriti kepada pembangunan negara.<br><br>6.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti demi pembangunan negara.<br><br>6.2.6 Mengamalkan tanggungjawab dengan berintegriti dalam kehidupan harian demi pembangunan negara. | 1 | Menyatakan contoh integriti demi pembangunan negara. | **Cadangan nilai**<br><br>• Kejujuran<br>• Harga diri<br>• Toleransi<br>• Rasional<br>• Patriotisme<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Ketelusan dalam jentera pentadbiran<br>• Tanggungjawab sebagai pemimpin<br>• Integriti dalam perniagaan<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Menghasilkan komik tentang integriti nasional.<br>• Menyertai aktiviti Jelajah Ilmu tentang integriti nasional.<br>• Melayari laman sesawang Institut Integriti Malaysia dan menghasilkan brosur. |
| | | 2 | Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan integriti demi pembangunan negara. | |
| | | 4 | Menganalisis implikasi perbuatan yang tidak berintegriti kepada pembangunan negara. | |
| | | 5 | Menghayati dan mempamerkan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">6.3 Berperikemanusiaan Ke Arah Kesejahteraan Global</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br><br>6.3.1 Menyenaraikan ciri berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.<br><br>6.3.2 Menjelaskan dengan contoh perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.<br><br>6.3.3 Merumuskan kebaikan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.<br><br>6.3.4 Mencerakin kesan pengabaian sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global.<br><br>6.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global.<br><br>6.3.6 Mengamalkan sikap perikemanusiaan dalam kehidupan harian demi kesejahteraan global.</td><td>1</td><td>Menyatakan ciri berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br><br>• Kepercayaan kepada Tuhan<br>• Kasih sayang<br>• Kerjasama<br>• Kesederhanaan<br>• Baik hati<br><br>Cadangan isu<br><br>• Bantuan kemanusiaan<br>• Konflik kemanusiaan antarabangsa<br>• Pemerdagangan manusia<br><br>Cadangan aktiviti<br><br>• Sumbang saran tentang cara memberi bantuan kemanusiaan.<br>• Menyertai aktiviti kesukarelawanan yang berkaitan dengan bantuan kemanusiaan.<br>• Menghasilkan lirik lagu, poster atau klip video yang bertemakan kemanusiaan sejagat.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan contoh perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kebaikan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis kesan pengabaian sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

## 7.0 MORAL DAN KENEGARAAN

Bidang ini menghubungkaitkan moral dan kenegaraan dalam konteks negara di persada dunia. Bidang ini juga merangkumi penglibatan diri dalam program komuniti dan pengurusan kewangan secara beretika. Selain itu, bidang ini memfokuskan kerjasama negara dalam hubungan antarabangsa demi meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara.

## 7.0 MORAL DAN KENEGARAAN

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **7.1 Penglibatan Diri dalam Program Komuniti Bersama-sama Badan Kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan** | Murid boleh:<br><br>7.1.1 Memberi contoh program komuniti yang boleh dilaksanakan bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.<br><br>7.1.2 Mengenal pasti cara melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.<br><br>7.1.3 Menghuraikan kepentingan melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.<br><br>7.1.4 Meramal implikasi kurang penglibatan dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. | 1 | Menyatakan contoh program komuniti yang boleh dilaksanakan bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. | **Cadangan nilai**<br><br>• Patriotisme<br>• Berterima kasih<br>• Kerjasama<br>• Kerajinan<br>• Kasih sayang<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Keprihatinan dan sensitiviti masyarakat<br>• Empati dalam kalangan remaja terhadap keperluan masyarakat<br>• Sikap individualistik dalam masyarakat<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Merangka kertas kerja untuk melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan di sekolah.<br>• Melakar peta pemikiran tentang ciri sikap individualistik dan sikap bermasyarakat. |
| | | 2 | Menerangkan cara melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. | |
| | | 3 | Memerihalkan kepentingan melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. | |
| | | 4 | Menganalisis implikasi sekiranya kurang penglibatan dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| | 7.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. | 5 | Menghayati dan melibatkan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam kehidupan harian. | • Menghasilkan dokumentari dengan menggunakan pelbagai media dalam program komuniti badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. |
| | 7.1.6 Melibatkan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan dalam kehidupan harian. | 6 | Menghayati dan melibatkan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **7.2 Semangat Kerjasama Dalam Masyarakat Global** | Murid boleh:<br><br>7.2.1 Memberi contoh kerjasama dalam masyarakat global.<br><br>7.2.2 Menjelaskan kepentingan bekerjasama dalam masyarakat global.<br><br>7.2.3 Menghuraikan cabaran bekerjasama dalam masyarakat global.<br><br>7.2.4 Memerihalkan kesan pengabaian sikap kerjasama dalam masyarakat global.<br><br>7.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila bekerjasama dalam masyarakat global.<br><br>7.2.6 Mengamalkan sikap kerjasama dalam masyarakat global. | 1 | Menyatakan contoh kerjasama dalam masyarakat global. | **Cadangan nilai**<br><br>• Kerjasama<br>• Toleransi<br>• Baik hati<br>• Harga diri<br>• Keberanian<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Warisan Dunia<br>• Program pertukaran pelajar<br>• Sensitiviti masyarakat dunia<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Menghasilkan model warisan dunia dengan menggunakan bahan kitar semula.<br>• Membuat analisis *Strength, Weakness, Opportunity, Threats* (SWOT) berkaitan semangat kerjasama dalam masyarakat global.<br>• Mengadakan pameran mini kebudayaan masyarakat dunia. |
| | | 2 | Menerangkan kepentingan bekerjasama dalam masyarakat global. | |
| | | 3 | Menilai cabaran bekerjasama dalam masyarakat global. | |
| | | 4 | Menganalisis kesan pengabaian sikap kerjasama dalam masyarakat global. | |
| | | 5 | Menghayati dan bekerjasama dengan masyarakat global dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan kerjasama dengan masyarakat global dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">7.3<br>Pengurusan Kewangan Secara Beretika</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br><br>7.3.1 Menyenaraikan pelbagai sumber kewangan yang diperoleh secara beretika.<br><br>7.3.2 Mengenal pasti cara menguruskan kewangan secara beretika.<br><br>7.3.3 Mencerakinkan kepentingan pengurusan kewangan secara beretika.<br><br>7.3.4 Meramalkan kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika.<br><br>7.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila menguruskan kewangan secara beretika.<br><br>7.3.6 Mempraktikkan amalan pengurusan kewangan secara beretika.</td><td>1</td><td>Menyatakan pelbagai sumber kewangan yang diperoleh secara beretika.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br><br>• Kesederhanaan<br>• Bertanggungjawab<br>• Rasional<br>• Berdikari<br>• Kerajinan<br><br>Cadangan isu<br><br>• Pelaburan mengikut peraturan dan lunas undang-undang<br>• Perniagaan dalam talian<br>• Hari keusahawanan sekolah<br><br>Cadangan aktiviti<br><br>• Menghasilkan peta pemikiran tentang pengurusan kewangan diri secara beretika.<br>• Mengumpul dan menganalisis maklumat pelaburan yang ditawarkan oleh institut kewangan untuk merancang masa depan.<br>• Mengumpul pendapatan secara beretika melalui aktiviti jualan atau perkhidmatan semasa program sekolah.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan cara menguruskan kewangan secara beretika.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kepentingan pengurusan kewangan secara beretika.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan amalan menguruskan kewangan secara beretika dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mempraktikkan amalan menguruskan kewangan secara beretika dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| **7.4 Meningkatkan Pengiktirafan Dunia Terhadap Negara** | Murid boleh:<br><br>7.4.1 Memerihalkan contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia.<br><br>7.4.2 Menjelaskan cara mengharumkan nama negara di persada dunia.<br><br>7.4.3 Menghuraikan kepentingan mengharumkan nama negara di persada dunia.<br><br>7.4.4 Mencerakinkan cabaran dalam mengharumkan nama negara di persada dunia.<br><br>7.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengharumkan nama negara di persada dunia.<br><br>7.4.6 Melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian. | 1 | Menyatakan contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia. | **Cadangan nilai**<br><br>• Patriotisme<br>• Kerajinan<br>• Berdikari<br>• Keberanian<br>• Hemah tinggi<br><br>**Cadangan isu**<br><br>• Sukan, seni dan budaya sebagai kerjaya<br>• Peranan sebagai duta kecil<br>• Pengiktirafan atlet kurang upaya di persada dunia<br><br>**Cadangan aktiviti**<br><br>• Main peranan: Wawancara dengan tokoh yang mengharumkan nama negara.<br>• Membuat biografi tentang kejayaan tokoh yang mengharumkan nama negara dengan menggunakan pelbagai media dan membuat pembentangan.<br>• Menghasilkan peta pemikiran tentang aktiviti yang boleh disertai demi mengharumkan nama negara. |
| | | 2 | Menerangkan cara mengharumkan nama negara di persada dunia. | |
| | | 3 | Menilai kepentingan mengharumkan nama negara di persada dunia. | |
| | | 4 | Menganalisis cabaran dalam mengharumkan nama negara di persada dunia. | |
| | | 5 | Menghayati dan melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | |

<table>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>TAHAP PENGUASAAN</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr><td rowspan="6">7.5<br>Malaysia Dalam Hubungan Antarabangsa</td><td rowspan="6">Murid boleh:<br>7.5.1 Memberi maksud hubungan antarabangsa.<br>7.5.2 Menjelaskan hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar.<br>7.5.3 Menghuraikan kepentingan mengekalkan hubungan Malaysia dengan negara luar.<br>7.5.4 Mencerakinkan cabaran negara dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.<br>7.5.5 Mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam usaha mengekalkan hubungan antarabangsa.<br>7.5.6 Mengamalkan kerjasama untuk mengekalkan hubungan antarabangsa dalam kehidupan harian.</td><td>1</td><td>Menyatakan maksud hubungan antarabangsa.</td><td rowspan="6">Cadangan nilai<br>• Hormat<br>• Bertanggungjawab<br>• Keberanian<br>• Kerjasama<br>• Berterima kasih<br>Cadangan isu<br>• Impak pendatang asing<br>• Peranan pertubuhan antarabangsa untuk keamanan dunia<br>• Dasar Luar Malaysia<br>Cadangan Aktiviti<br>• Simulasi persidangan antarabangsa bagi membincangkan peranan pertubuhan antarabangsa untuk keamanan dunia.<br>• Pidato yang bertajuk ‘Dasar Luar Malaysia Meningkatkan Imej Negara’.<br>• Menjalankan soal selidik ringkas tentang impak pendatang asing kepada negara.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menerangkan hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Menilai kepentingan mengekalkan hubungan antara Malaysia dengan negara luar.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Menganalisis cabaran negara dalam mengekalkan hubungan Malaysia dengan negara luar.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Menghayati dan mempamerkan usaha mengekalkan hubungan antarabangsa dalam kehidupan harian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Menghayati dan mengamalkan kerjasama untuk mengekalkan hubungan antarabangsa dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.</td></tr>
</table>

## PANEL PENGGUBAL

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Mohd Faudzan bin Hamzah | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 2. | Than Chew Keok | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 3. | Velusamy a/l Kuppusamy | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 4. | Leong Hooi Li | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 5. | Azmarina binti Abdul Samad | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 6. | Dr. Muhammad Atitullah bin Othman | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak |
| 7. | Dr. Nadarajan a/l Thambu | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak |
| 8. | Dr. Vishalache a/p Balakrishnan | Universiti Malaya, Petaling Jaya, Selangor |
| 9. | J. Krishna Kumary a/p Juval | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur |
| 10. | Uthayakumaran a/l Karuppiah | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur |
| 11. | Chia Kam Ping | SMK Taman Bukit Maluri, Taman Bukit Maluri, WP Kuala Lumpur |
| 12. | Chua Chu Tee | SMK Bandar Damai Perdana, Cheras, Selangor |
| 13. | Dr. Fauziah binti Ismail | SMK Orkid Desa, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur |
| 14. | Jerome Lim Yew Siong | SMK Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan |
| 15. | Khairul Anuar bin Hj Ismail | SMK (P) Kapar, Klang, Selangor |
| 16. | Mohammad Solehin bin Mohamad Nordin | SMK Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan |
| 17. | Sangeetajit Kaur a/p Jag Singh | SMK Methodist, Banting, Selangor |
| 18. | Siti Mariam binti Saidun | SMK Segambut, Segambut, WP Kuala Lumpur |
| 19. | Siti Nor Fariza Bt Mohamad | SMK Katholik (M) Petaling Jaya, Selangor |
| 20. | Zahariah binti Kanis | SMK Datok Lokman, Maluri, WP Kuala Lumpur |

**TURUT MENYUMBANG**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Tan Bee Piang | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak |
| 2. | Dr. Zuraini bt Jamil@Osman | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak |
| 3. | Hegretul Al-Amin bin Sahbudin | IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang |
| 4. | Durgadevi a/p Ramasamy | SMK Seri Selayang, Batu Caves, Selangor |
| 5. | Norhaziana binti Hamdan | SMK Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan |
| 6. | Siti Khatijah binti Ibrahim | SMK Dato'Shamsudin Nain, Rantau, Negeri Sembilan |
| 7. | Suresh a/l Vartarajoo | SMK Methodist, Banting, Selangor |

## PENGHARGAAN

### Penasihat

| | | |
|---|---|---|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - | Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - | Timbalan Pengarah (STEM) |

### Penasihat Editorial

| | | |
|---|---|---|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - | Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - | Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - | Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - | Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - | Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - | Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - | Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - | Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - | Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - | Ketua Sektor |

**Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi**

Saripah Faridah Binti Syed Khalid
Nur Fadia Binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

**Pereka Grafik**

Siti Zulikha Binti Zelkepli

**Bahagian Pembangunan Kurikulum**
**Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
http://bpk.moe.gov.my